

06/02/1997

Kaedah bersepadu banteras gejala sosial

KUALA LUMPUR, Rabu - Program secara besar-besaran untuk mencegah gejala sosial akan dilaksanakan secara bersepadu oleh semua agensi agama di peringkat Persekutuan dan negeri.

Ia turut membabitkan agensi yang mempunyai Unit Agama seperti Risda, Felda dan Kemas serta disokong Jabatan Penerangan dan Jabatan Pendidikan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, berkata satu peruntukan khas juga akan dikeluarkan untuk memastikan program berkenaan mencapai sasaran.

Katanya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) akan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk meneliti dan menggubal semula isi kandungan sistem pendidikan Islam supaya mampu membentuk ketahanan dalam diri umat Islam.

Katanya, sistem pendidikan Islam yang sedia ada dikenal pasti banyak kelemahan dan perlu disusun semula bagi membantu membentuk generasi berakhlak dan bersifat mulia.

Menurutnya, kerajaan serius dan mengambil tindakan tegas untuk menangani gejala sosial yang kini sangat meruncing di kalangan umat Islam.

"Ini termasuk menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Penyakit Sosial, dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, untuk menangani masalah itu secara bersepadu," katanya selepas perjumpaan khas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dengan wakil agensi agama Islam dari seluruh negara di Pusat Islam, hari ini.

Dr Abdul Hamid berkata, dakwah dan program menangani gejala sosial memang dilaksanakan tetapi dilakukan secara terasing oleh agensi terbabit.

Katanya, gejala sosial juga berikutan sistem kekeluargaan umat Islam semakin mengecil kerana perubahan corak hidup.

(END)